

kembara/global

Projek 'facelift' ceriakan landskap perkampungan Kuala Pahang

Pekan: Lebih 200 sukarelawan menyertai program Gotong-Royong Perdana @ Facelift D'Kuala untuk membaik pulih rumah penduduk di laluan masuk utama Kompleks Medan Ikan Bakar di perkampungan Kuala Pahang di sini.

Mereka adalah staf dan pelajar **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** serta Kolej Universiti Widad, pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), dan sukarelawan dari Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Komuniti Kuala Pahang, Persatuan Wanita UMP (Matahari) serta Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PPTI) UMP.

Yang turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Peramu Jaya, Datuk Seri Sh Mohmed Puzi Sh Ali; Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim; dan Penghulu Mukim Kuala Pahang, Hassan Moha-

med Sukor.

Prof Daing Mohd Nasir berkata, program dirancang bersama pelbagai agensi dan badan korporat itu dapat membantu mengubah landskap sosial penduduk di Kuala Pahang.

Memaknakan kewujudan

"Kira-kira 25 rumah di sini dikenal pasti terbabit dalam program ini yang meliputi aktiviti membaik pulih, mengecat, membersihkan kawasan dan mengindahkan kediaman.

"Usaha digerakkan UMP bagi mengubah wajah dan identiti Kuala Pahang sebagai perkampungan nelayan, di samping memaknakan lagi kewujudan universiti ini di Malaysia," katanya.

Program turut disemarakkan dengan pelaksanaan aktiviti lain seperti senamrobik, pemeriksaan kesihatan dan pengagihan ubat jentik-jentik.

info

Gotong-Royong Perdana @ Facelift D'Kuala

Antara agensi terbabit

- Alam Flora Sdn Bhd
- Jabatan Kerja Raya
- Tenaga Nasional Berhad
- Majlis Daerah Pekan
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam



Pelbagai pihak sukarelawan bekerjasama menjayakan program Gotong-Royong Perdana @ Facelift D'Kuala.



Pengisian program meliputi aktiviti membaik pulih, mengecat, membersihkan kawasan dan mengindahkan kediaman.